

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

# 11 PALAPES PERLU JADI CONTOH KEPADA MASYARAKAT

## APR

Palapes DSC5075

NIBONG TEBAL, 11 April 2016 – PALAPES perlu menjadi contoh kepada masyarakat dan terus menabur bakti kepada negara, kata Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni) Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein.

Beliau berkata, masyarakat melihat pelajar Universiti ini dari sudut yang berbeza apatah lagi bagi mereka yang menceburi pasukan beruniform khususnya ketenteraan.

“Universiti mengharapkan supaya apa sahaja yang dilakukan dan di mana sahaja saudara saudari berada akan menjulang nama USM,” kata Adnan di Majlis Malam Akrab dan Penutupan Latihan Lanjutan, Pegawai Simpanan Sukarela Tentera Udara Diraja Malaysia (PSSTUDM) di sini malam tadi.

Leftenan Kolonel (Kehormat) PSSTUDM itu turut menyeru supaya mahasiswa USM sentiasa memberi yang terbaik kepada organisasi yang diceburi seterusnya kembali ke universiti untuk menabur bakti kepada mahasiswa yang masih baharu dan memerlukan tunjuk ajar serta bimbingan.

Tambah Adnan lagi, pelajar-pelajar yang masih baharu perlu mengambil peluang selama empat tahun berada di Universiti untuk menimba sebanyak mungkin ilmu dan pengalaman yang sangat berharga yang tidak boleh diperolehi di tempat lain.

“Masa belajar di Universiti ini adalah tempoh yang cukup indah dan gunakanlah sepenuhnya untuk merasai segala aspek kehidupan yang ada di sini,” katanya lagi.

“Penglibatan dalam PALAPES bukan hanya untuk menamatkan latihan dan mendapat pentaulahan tetapi lebih dari itu untuk cemerlang dalam akademik,” katanya.

Beliau yang ditemani isteri, Datin Kamaliah Siarap, turut menghiburkan hadirin dengan mendendangkan lagu Bunyi Gitar yang pernah dipopularkan oleh Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

Seramai 112 pegawai kadet PALAPES udara menamatkan latihan lanjutan selama tujuh hari bermula 4 April 2016 yang lalu dengan pengisian latihan antaranya sukan rakyat, compass marching, kawad senjata, kawad pedang, kawad kaki, ujian senjata, explorace, malam jalan lasak, repealing dan mendaki gunung.

Yang hadir sama dalam majlis itu ialah Penyelaras Pusat Rancangan Ko-Kurikulum, Mejar (Kehormat) Dr. Mohd Salman Abu Mansor PSSTUDM; Pengurus Rancangan PALAPES USM, Kapten Dr. Hazizan Mohd Hashim; Ajutan Pengkalan Butterworth, Kapten Raja Zul Raja Hassan dan Ajutan PALAPES Udara

USM, Leftenan Angelin P. Saibun Sambion.

Teks: Mohd Kamil Ashar / Foto: Bani Faidzzainami Baniyamin

G+

Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015